

25/01/2004

Dr M harap dialog Pas-Umno berjaya

Wan Jailani Razak; Hasnira Hassan; Hamzah Osman

LANGKAWI: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap pertemuan yang cuba diatur semula di antara Umno dan Pas demi perpaduan umat Islam di negara ini, akan berjaya.

"Saya harap ia (pertemuan antara Umno dan Pas) akan berjaya," katanya ringkas ketika ditanya pendapatnya mengenai muzakarah yang sedang diusahakan oleh Umno dan Pas.

Bekas Perdana Menteri yang bercuti tiga hari di pulau ini sejak kelmarin ditemui pemberita selepas melawat Taman Burung Langkawi, di Kampung Belanga Pecah, di sini, semalam.

Sementara itu di JASIN, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata Pas bersedia mengadakan muzakarah dengan Umno secara terbuka atau secara langsung bagi membincangkan sebarang isu nasional.

Beliau berkata, Pas bersedia mengadakan perbincangan dengan Umno pada bila-bila masa tanpa mengenakan sebarang syarat.

"Alangkah baiknya kalau muzakarah itu terbuka, secara langsung, macam pilihan raya presiden di Amerika Syarikat.

"Kita jangan takut, saya menyebut muzakarah ini untuk mencari kebenaran, saya sebut tanpa syarat, syaratnya bukan mesti dalam televisyen, kalau nak jumpa seorang sama seorang pun saya bersedia," katanya ketika berucap pada ceramah di Kelubi, dekat sini, malam semalam.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu berkata, antara isu nasional termasuk masalah sosial dan jenayah yang dihebahkan akhir-akhir ini seperti rogol, pembunuhan serta lumba haram.

Sebelum ini, Abdul Hadi memberi jaminan parti itu tidak akan mengenakan sebarang syarat dan sanggup mengetepikan kepentingan politik bagi merealisasikan pertemuannya dengan Umno.

Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula pernah berkata, apa yang penting pada pertemuan itu kelak ialah memberi perhatian kepada soal membangunkan ummah dan negara.

Terdahulu, Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali singgah di Galeria Perdana di Kilim, semalam, untuk menyaksikan koleksi hadiah yang diterima mereka sepanjang 22 tahun mengetuai pemerintahan negara.

Pasangan itu kemudian singgah di Taman Burung Langkawi, untuk menghadiri jamuan tengah hari sebelum melihat lebih 2,500 burung daripada 150 spesies yang ditempatkan di situ dengan penerangan disampaikan oleh Pengurus Besar taman itu, Teoh Cheng Kung.

Turut mengiringi lawatan mereka ialah Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian merangkap Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib; Pegawai Daerah Langkawi, Datuk Rasli Basir dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi, Datuk Anwar Abdul Rahman.

Pengunjung taman berkenaan turut berpusu-pusu merapati Dr Mahathir untuk bergambar kenangan dan mendapatkan tanda tangan. Malah, pada satu ketika Abu Bakar dan Anwar turut beraksi sebagai `jurugambar' selepas diminta pelawat yang mahu merakam gambar bersama Dr Mahathir.

Taman berkonsepkan mesra alam itu dirasmikan pembukaannya oleh Syed Razak pada 24 Disember 2002. Ketika ini kira-kira 70 peratus burung yang ditempatkan di taman itu dibawa masuk dari luar negara termasuk Afrika, Amerika Selatan, Papua New Guinea, Belanda, Belgium, Australia dan Jerman.